

BAB 3

LATAR BELAKANG RESPONDEN DAN MASYARAKAT

1. PENGERTIAN :

Bab ini akan membincangkan mengenai latar belakang responden dan masyarakat mereka. Aspek-aspek yang akan disentuh dalam bab ini adalah mengenai latar belakang sosio ekonomi responden, tahap hubungan antara anggota masyarakat serta institusi-institusi informal yang wujud dalam masyarakat ini.

2. RESPONDEN :

Untuk kajian ini, sejumlah 60 orang responden telah diambil. Pemilihan responden bagi kajian ini menggunakan kaedah 'non random sampling', iaitu 'purposive sampling'. Walaupun responden dipilih secara rawak, namun terdapat beberapa ciri tertentu sebagai panduan pemilihan responden. Ciri-ciri tersebut ialah umur, jantina, ras, pendapatan dan sebagainya. Ini dilakukan kerana populasi adalah besar yang tidak memungkinkan pengkaji menjalankan bancian.

2.1 BUTIR-BUTIR RESPONDEN :

Butir-butir responden kajian ini adalah seperti berikut ;

2.1.1 Jantina ;

Jantina diambil sebagai salah satu ciri pemilihan responden kerana lelaki dan perempuan menyumbangkan peranan yang berbeza dalam masyarakat. Dari jumlah 60 orang responden, jantina lelaki diekilibi oleh 28 orang, manakala perempuan

pula diwakili oleh 32 orang responden.

2.1.2 Umur ;

Aspek umur juga dititik beratkan bagi mendobatkan satu sampel yang mewakili masyarakat. Bagi aspek umur, pemilihan responden dibuat berdasarkan tiga kategori, iaitu peringkat umur remaja, belia, dewasa dan peringkat umur tua. Bagi peringkat umur 14 hingga 19 tahun, sejumlah 10 orang responden mewakili kategori ini. Manakala 16 orang responden pula mewakili peringkat umur belia, iaitu dari peringkat umur 20 hingga 30 tahun. Peringkat umur tua pula diwakili oleh 21 orang responden, selebihnya mewakili peringkat umur tua, iaitu bagi peringkat umur 46 tahun keatas. Ini dapat dilihat dalam jadual '1'.

Umur	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Bawah 20 tahun	5	5	10
20 - 25 tahun	5	4	9
26 - 30 tahun	5	2	7
31 - 35 tahun	3	7	10
36 - 40 tahun	4	-	4
41 - 45 tahun	3	4	7
46 - 50 tahun	1	4	5
51 tahun ke atas	2	6	8
Jumlah	28	32	60

Jadual '1'

aya tradisi masyarakat ini tidak mengizinkan kaum wanita untuk keluar bekerja. Ini mungkin akibat dari anggapan masyarakat ini yang memberikannya kaum lelaki hak sepenuhnya untuk keluar bekerja.

Data dalam jadual '2' juga menunjukkan hanya 2 orang responden sahaja yang memperolehi pendapatan dalam kategori rendah, iaitu \$400 ke bawah. Mereka ini merupakan responden dari golongan remaja. Dari data ini dapat diandaikan tahap pendidikan mereka. Tahap perolehan sedemikian adalah tahap pendapatan bagi pekerja bawahan seperti buruh, pekerkilang dan pekerja am. Jawatan-jawatan tersebut hanya memerlukan pendidikan ditahap S.P.M sahaja. Jumlah responden yang memperolehi pendapatan tinggi pula ialah 14 orang. Di lihat dari aspek umur pula, mereka ini terdiri dari peringkat umur dewasa dan tua. Ini mungkin akibat dari pembangunan sistem pendidikan kini. Mereka yang berkelulusan tinggi kini mampu memperolehi pendapatan tinggi. Responden lainnya pula merupakan golongan yang berpendapatan sederhana, iaitu bagi lingkungan pendapatan dari \$401 hingga \$800. Lihat lampiran 2.

2.1.4 Ras ;

Kesemua responden bagi kajian ini adalah berketurunan Jawa. Ini adalah untuk memudahkan kajian dijalankan. Responden dari golongan tua kebanyakannya merupakan generasi awal masyarakat Jawa dikampung ini. Mereka merupakan generasi ke dua atau ketiga dari generasi awal yang berhijrah ke tanah Melayu. Golongan muda pula merupakan kesinambungan dari

generasi awal tadi. anggota-anggota masyarakat Jawa di kampung ini mempunyai pertalian kekerabatan yang meliputi sebagian besar dari komunitasnya. Fenomena ini tentunya merupakan perisalan dan pengurangan yang berterusan bagi budaya masyarakat Jawa di kampung Sungai Udang ini. Tetapi pengaruh budaya moden yang diterima ini menacetuskan keadaan-keadaan yang memunculkan mereka mengalami evolusi budaya serta nilai tradisi mereka sebagai akibat dari pertembungan budaya tersebut.

3. HUBUNGAN ANGGOTA MASYARAKAT :

Secara keseluruhannya, hasil dari data soal selidik serta pemerhatian dan temu bual yang dijalankan, di dapati anggota masyarakat Jawa di kampung Sungai Udang ini melalui satu tahap hubungan yang mesra. Hubungan bersejuk misalnya, masih diamalkan oleh masyarakat ini walaupun tidak meliputi keseluruhan anggota masyarakat. Hubungan sedemikian kelihatannya berlaku diantara jiran tetangga dan anggota kekerabatan sahaja. Ini berbeza dengan tahap hubungan yang dilalui oleh masyarakat tradisi, di mana anggota masyarakat saling mengenali dan akrab di antara satu sama lain. Fenomena sedemikian mungkin di akibatkan oleh perubahan budaya yang dialami oleh masyarakat ini, pengaruh nilai dan norma tradisi mereka semakin rendah. Pengurangan pengaruh tersebut adalah hasil dari perkembangan 'individuality' seseorang hasil dari struktur masyarakat kini yang semakin kompleks. (10) Untuk melihat tahap hubungan yang dijalani oleh anggota masyarakat ini dengan lebih jelas, perlu dilihat hubungan tersebut dari aspek micro.

10, Robert.N.Bellah, m.s 110.

3.1 Hubungan antara lelaki dan perempuan :

Budaya tradisi masyarakat Jawa tidak memberikan ruang yang luas bagi lelaki dan perempuan saling berinteraksi. Terdapat sekatan-sekatan yang dibuat di mana interaksi di antara kedua jantina ini hanya berlaku dalam keadaan dan situasi tertentu. Namun sekatan-sekatan tersebut tidak begitu mengongkong anggota kekerabatan, di mana terdapat kelonggaran yang diberikan terhadap mereka ini.

Namun apa yang terlihat kini dalam masyarakat ini, sekatan tersebut semakin longgar berikutan berkurangnya pengaruh kuasa adat terhadap anggota masyarakat ini. Ini sebagai akibat dari perubahan yang dialami dalam struktur masyarakat ini. Perubahan yang berlaku terhadap persekitaran mereka mempengaruhi pelaksanaan nilai-nilai tradisi masyarakat ini. Perubahan struktur dan fungsi individu masyarakat hasil dari perkembangan sistem pembagian kerja mewujudkan suasana inter-dependen dikalangan mereka. Tuntutan sedemikian mengakibatkan proses adaptasi berlaku terhadap budaya tradisi mereka. Sekatan-sekatan terhadap hubungan antara kedua jantina ini kini semakin longgar.

Terlihat dal masyarakat ini, hasil dari kajian yang dijalankan mendapati hubungan antara jantina adalah harmonis dan mesra. Ini jelas terutamanya dikalangan golongan dewasa. Data dari soal selidik misalnya menunjukkan terjalinnya hubungan mesra antara responden dengan tetangga mereka. Ini adalah meliputi kedua-dua jantina. Ini terutamanya di kalangan kaum

perempuan. Angka menunjukkan 10 responden perempuan adalah melalui tahap hubungan yang sangat mesra dengan tetangga mereka, berbanding hanya 6 orang responden lelaki sahaja yang menjalin hubungan yang sedemikian dengan tetangga mereka. Ini dapat dilihat dalam jadual '3';

Perkara	Perempuan	Lelaki	Bil
Sangat mesra	10	6	16
Mesra	15	11	26
Kurang mesra	5	9	14
Kurang pasti	2	2	4
Jumlah	32	28	60

Jadual '3'

Jelas dari data tersebut bahawa kaum wanita menjalani hubungan yang lebih akrab berbanding lelaki dengan tetangga mereka. Keadaan ini adalah mungkin akibat status mereka, di mana kaum wanita dalam masyarakat ini tidak ramai yang keluar bekerja. Kemersaan yang terjalin ini akhirnya akan mencetuskan semangat setia kawan yang tinggi diantara mereka. Apabila ini berlaku, maka individu tersebut yang merupakan sebahagian dari unit keluarga akan mencetuskan peluang dan keadaan di mana anggota lainnya, iaitu anggota keluarga individu yang berinteraksi tersebut, untuk turut serta dalam interaksi yang terjalin awalnya oleh individu-individu tadi.

Hasil dari keadaan tersebut mewujudkan suasana harmoni dan bebas dari sebarang prejudis. Masyarakat tradisi yang menentankan berbagai sekatan dalam hubungan lelaki dan perempuan adalah sebagai langkah berjaga-jaga dari kemungkinan-kemungkinan yang tidak diinginkan. Ini terutamanya terhadap golongan muda, di mana masyarakat akan mempersoalkan hubungan akrab yang terjalin antara lelaki dan perempuan dalam golongan yang tidak mempunyai hubungan kekerabatan. Kini yang terlihat dalam masyarakat ini, halangan-halangan tersebut dan sikap prejudis yang ditunjukkan oleh anggota masyarakat terhapus atau berkurangan. Ini adalah sebagai kesan dari hubungan yang dijalin oleh individu yang berjiran, di mana dalam masa hubungan tersebut berjalan, anggota keluarga dalam famili individu-individu itu akan turut serta. Ini akan menimbulkan rasa saling mempercayai antara kedua keluarga itu. Hasil dari keadaan ini, apabila terdapat dari kedua-dua keluarga itu, anggotanya yang berlainan jantina mengadakan interaksi maka masyarakat akan menganggapnya sebagai biasa dan menghilangkan halangan yang wujud sebelum ini serta prejudis yang timbul akibat dari hubungan tersebut.

Namun keadaan ini hanyalah di tahap hubungan biasa sahaja, di mana dalam keadaan masyarakat kini, interaksi yang dijalin adalah berasal dari tuntutan individu yang mengharapkan sesuatu dari hubungannya dengan individu lain bagi memenuhi kehendak atau tuntutannya itu. Seperti yang terlihat dalam masyarakat Jawa di kampung Sungai Udang ini.

Hubungan yang terbentuk antara lelaki dan perempuan dalam masyarakat ini adalah sebagai memenuhi salah satu keperluan asas mereka. Tidak lagi pentaruh budaya yang mengongkong perlakuan dan tindakan mereka. Ini dapat dilihat dalam jadual '4'.

Perkara	Lelaki	Perempuan	Bil
Mengenai semua jiran	4	10	14
Sebahagian besar	15	16	31
Sebahagian sahaja	7	5	12
Sebahagian kecil	2	1	3
Jumlah	28	32	60

Jadual '4'

Jadual '4' adalah mengenai jumlah jiran tetangga yang dikenali oleh responden. Terlihat dari data tersebut hanya sebilangan kecil dari responden mengenali tetangga mereka kesemuanya. Ini berbeza keadaannya dari masyarakat tradisi, di mana anggota masyarakat mengenali semua individu dalam masyarakat keseluruhannya antara satu dengan yang lain. Jadual '5' pula menunjukkan mengenai kekerapan responden berinteraksi dengan tetangganya tanpa sebab-sebab yang kuat, seperti kematian atau kenduri kahwin. Kekerapan interaksi tanpa sebab-sebab tersebut memperlihatkan hubungan akrab yang dijalani oleh anggota masyarakat. Dari jadual '5', di dapati hanya sejumlah kecil sa-

bagi responden yang masih mengamalkan budaya tradisi mereka. Terdapat juga responden yang tidak langsung berhubungan dengan tetangga mereka tanpa sebab-sebab yang formal seperti jils keramaian atau kematian.

Perkara	Lelaki	Perempuan	Bil
Sangat kerap	-	2	2
Kerap	3	6	9
Kurang kerap	13	17	30
Jarang-jarang	9	7	16
Tidak pernah	3	-	3
Jumlah	28	32	60

Jadual '5'

Tegasnya, hubungan yang terjalin di antara kaum lelaki dan perempuan adalah harmoni dan mesra, di mana hubungan yang berjalan itu tidak memperlihatkan keterasingan mana-mana individu dalam masyarakat tersebut. Konflik juga dalam interaksi yang terjalin itu tidak timbul. Ini adalah akibat dari berkurangnya perjalanan kuasa adat tradisi di kalangan anggota masyarakat ini. Hubungan yang terjalin itu juga adalah timbul dari tuntutan mereka atau 'inter-dependent' anggota masyarakat yang menghasilkan keadaan yang harmonis di antara lelaki dan perempuan. Perubahan struktur yang dialami oleh masyarakat ini, iaitu di mana kaum wanita kini adalah lebih bebas bergerak mewujudkan fenomena akrab di antara jantina itu.

3.2. Hubungan antara peringkat umur :

Sebagaimana yang disebutkan awal tadi, hubungan yang dijalani oleh anggota masyarakat ini adalah mesra. Namun tahap yang dilalui tidak mencapai sebagaimana masyarakat tradisi. Secara umumnya, berdasarkan dari hasil kajian yang telah dijalankan mendapati hubungan yang terjalin antara pelbagai peringkat umur anggota masyarakat ini adalah harmoni. Hubungan yang dilalui ini bagaimanapun tidak meliputi kesemua anggota masyarakat. Hubungan mesra ini sekadar di lingkungan jiran tetangga. Terlihat interaksi yang dijalani oleh anggota masyarakat, iaitu diantara golongan tua dengan golongan remaja misalnya hanya dalam lingkungan jiran tetangga, di mana dalam konteks yang lebih luas iaitu masyarakat hal sedemikian tidak terjadi.

Jadual '6'

Lingkungan umur	Tahap hubungan responden								bil
	sgt. mesra		mesra		kurang mesra		tidak pasti		
	L	P	L	P	L	P	L	P	
Kurang 20 tahun	-	-	1	2	3	1	1	2	10
20 - 25 tahun	-	-	3	1	1	3	1	-	9
26 - 30 tahun	1	2	1	3	-	-	-	-	7
31 - 35 tahun	-	3	1	3	2	1	-	-	10
36 - 40 tahun	2	-	2	-	-	-	-	-	4
41 - 45 tahun	1	1	2	3	-	-	-	-	7
46 - 50 tahun	1	1	-	3	-	-	-	-	5
51 tahun ke atas	2	4	-	2	-	-	-	-	8
Jumlah	6	10	11	15	9	5	2	2	60

Jadual '6' jelas memperlihatkan fenomena tersebut. Hasil dari pemerhatian dan temuan yang didapati juga mendapati keadaan yang sama. Didapati hubungan mesra yang terjalin di antara anggota masyarakat ini pula lebih condong kepada ciri-ciri 'peer-group'. Interaksi yang terjalin antara peringkat umur ini, walaupun diantara jiran tetangga tetap dipengaruhi oleh aspek 'peer-group' itu. Misalnya individu yang tergolong dalam kategori remaja akan condong untuk menjalin interaksi dengan tetangganya yang dari kategori yang sama. Hal sedemikian juga terdapat dalam kelompok umur lainnya.

Selain dari itu, interaksi yang dijalin hanya sekadar memadai iaitu ditahap yang minimum sahaja, misalnya individu remaja hanya sekadar mengucapkan 'apa khabar' kepada tetangganya yang lebih tua. Selain dari aspek ini, kecenderungan untuk berinteraksi antara peringkat umur tertumpu kepada persamaan jantina. Interaksi yang terjalin dalam keadaan ini adalah tinggi kekerapannya. Ini misalnya dalam hubungan dengan tetangga, walaupun terdapat perbezaan umur diantara dua individu, namun persamaan jantina dapat mengurangkan jurang tersebut. Ini terlihat dalam kedua-dua jenis jantina tersebut.

Tegasnya, hubungan diantara pelbagai peringkat umur anggota masyarakat ini hanya pada tahap 'mesra' sahaja. Di mana hubungan yang terjalin sekadar memenuhi keperluan asas sahaja. Interaksi yang dilalui oleh mereka sebagai melaksanakan tanggung jawab mereka sebagai anggota masyarakat. Ini mungkin kesan dari tinggalkan budaya tradisi mereka. Anggota masyarakat dituntut untuk

menjalin hubungan rapat diantara mereka. Namun perubahan budaya akibat dari perkembangan sistem pembaharuan kerja mengakibatkan pengaruh kuasa adat dalam masyarakat ini semakin berkurangan. Akibatnya fenomena kelonggaran hubungan di antar pelbagai peringkat umur ini semakin ketara.

Namun sebahagian dari anggota masyarakat ini masih dapat mengekalkan hubungan tersebut. Ini terutamanya dikalangan anggota kekerabatan, di mana hubungan antara pelbagai peringkat umur ini masih terjalin.⁽¹¹⁾ Ini adalah kerana dalam situasi tersebut rasa kekitaan adalah kuat. Mereka adalah lebih terbuka dan jujur dalam interaksi yang dijalin diantara mereka. Keadaan inilah yang menghasilkan tahap hubungan di antara peringkat umur dalam masyarakat ini wujud. Memandangkan anggota masyarakat ini adalah sebahagian besarnya mempunyai pertalian kekerabatan, maka terlihat hubungan yang longgar antara anggota masyarakat ini terutasi dengan suasana ini. Ini kerana dalam keadaan biasa di mana dua individu yang berlainan peringkat umur mengapati terhalangan-halangan tertentu bagi menjalin hubungan yang akrab. Ini misalnya, golongan tua merupakan golongan yang mempunyai personaliti tersendiri yang berbeza dari golongan remaja. Keadaan ini di mana golongan tua dalam masyarakat menganggap golongan muda adalah tidak berpengalaman dan kurang berpengetahuan adalah tidak sesuai untuk dijadikan lawan untuk berbual. Keadaan-keadaan ini mengakibatkan interaksi yang akan dijalani oleh golongan tua dengan golongan remaja hanyalah dalam suasana yang formal, seperti dalam majlis keramaian atau perayaan. Fenomena sedemikian adalah lupus dalam hubungan di antara anggota

...tersebut. Aspek inilah yang mendorong mereka untuk berjen-
jang hubungan yang akrab di antara diri di peringkat umur.
Maka dapat dikatakan bahwa tahap hubungan yang dilalui oleh
anggota masyarakat Jawa di mana mengenai hubungan berbagai pe-
bagai peringkat umur adalah harmonis. Tidak terdapat sebarang
konflik terlihat dalam hubungan tersebut. Namun hubungan yang
harmonis ini adalah ditahap yang asas sahaja, iaitu dikalangan
ahli keluarga dan kekerabatan. Hubungan ini dalam aspek yang
lebih luas iaitu masyarakat, hubungan yang dilalui adalah di
tahap yang minimum. Mereka hanya cenderung berinteraksi ant
peringkat umur ini hanya dalam lingkungan jiran tetangga sa-
haja. Di mana hubungan tersebut adalah sekadar memenuhi ke-
perluan asas sahaja. Kecenderungan untuk melalui hubungan yang
sefemenikian juga adalah terlihat dalam aspek persamaan jantina.
Balasan atau jurang yang biasanya membataskan hubungan ini
terjalin, kelihatannya tidak menjadi penghalang dalam keadaan
ini, di mana hubungan di antara peringkat umur dalam jantina
yang sama adalah lebih akrab berbanding dalam konteks masya-
rakat keseluruhannya.

Kesimpulannya, secara keseluruhannya hubungan di antara peri-
ingkat umur masyarakat Jawa ini adalah sebagai 'mesra' sahaja.
Kemesraan yang dilalui hanya dalam lingkungan-lingkungan yang
kecil dan tidak meliputi masyarakat keseluruhannya.

4. Institusi informal yang wujud :

Hasil dari kajian yang dijalankan mendapati terdapat beberapa
institusi informal yang bergerak dalam masyarakat Jawa di kam-
pong Sungai Udang ini. Antaranya ialah institusi sosial dan

institusi keagamaan. Pergerakan institusi ini dapat dilihat dengan jelas dalam masyarakat ini, terutamanya institusi keagamaan. Antara institusi-institusi informal yang berkesan di dalam masyarakat ini ialah :

4.1 Institusi kekeluargaan :

Institusi ini merupakan institusi yang wujud dalam mana-mana masyarakat. Keluarga merupakan asas bagi pembentukan sesebuah komuniti atau masyarakat malahan negara. Institusi ini merupakan institusi yang berfungsi mengikat anggota masyarakat kampung ini. Ini adalah kerana sebahagian besar dari anggota masyarakat kampung ini mempunyai pertalian darah dan kekerabatan di antara mereka. Institusi ini terlihat fungsi dan pengaruhnya dalam masyarakat ini walaupun bentuk budaya masyarakat ini mengalami perubahan. Pengaruh kuasa adat yang hilang kini di serap oleh institusi ini. Ini adalah kerana terlihat bahawa pergerakan institusi ini memperlihatkan kesan dan pengaruh yang besar terhadap tahap hubungan anggota masyarakat Jawa ini.

4.2 Institusi Keagamaan :

Institusi ini juga merupakan salah satu aspek yang penting bagi keberlanjutan sesebuah masyarakat. Terlihat dalam masyarakat ini institusi ini begitu erat sekali Bergerakannya. Ini adalah hasil dari komitmen yang ditunjukkan oleh anggota masyarakat ini sendiri, di mana mereka meletakkan institusi ini sebagai suatu yang dimuliakan dan dihormati. Aktiviti yang dijalankan oleh institusi ini sentiasa mendapat sambutan dari anggota masyarakat. Ini adalah mungkin kerana institusi ini bertindak sebagai

sesenah kehendak atau harapan anggota masyarakat yang di luar lembaga mereka. Komitmen anggota masyarakat terhadap institusi ini dapat dinilai berdasarkan kemampuan institusi ini untuk bergerak tanpa bantuan keuangan dari kerajaan. Institusi ini yang diwakili oleh 'mesjid' dan masyarakat ini mampu membayar keberluannya dengan sumbangan keuangan dari anggota masyarakat kampung ini sendiri. Ini jelas membuktikan bahwa anggota masyarakat ini memberikan komitmen yang tinggi terhadap pergerakan institusi yang memungkinkan kewujudannya yang berterusan dalam masyarakat ini.

4.3 Institusi pendidikan :

Institusi ini tidak begitu jelas pergerakannya dalam masyarakat Jawa ini. Ini mungkin akibat perkembangan pendidikan barat yang menular masuk ke dalam masyarakat ini, di mana ianya kini mendapat nilaian dan pengiktirafan yang tinggi dari masyarakat umum. Ini mengakibatkan institusi-institusi pendidikan informal semakin hilang pengaruhnya dalam masyarakat. Ianya kini hanya dianggap sebagai pengetahuan sampingan sahaja. Ini kerana ilmu-ilmu yang diajarkan dalam institusi ini tidak dapat menjamin masa depan penuntutnya, misalnya pelajaran al-Quran, ianya tidak dapat menjamin seseorang mendapat pekerjaan di mana masyarakat kini menuntut seseorang untuk memiliki sijil dari sistem pendidikan moden bagi meloyakkannya mendapat sebarang pekerjaan. Apa yang wujud kini, institusi informal dalam masyarakat Jawa ini kini hanya sebagai suatu kegiatan persendirian di mana mereka yang menyertainya dapat mengisi masa lapangnya dengan kegiatan yang dianjurkan oleh institusi ini.

4.4 Majlis keramaian :

Apa yang dimaksudkan disini ialah majlis-majlis kenduri yang wujud di dalam masyarakat ini, ini seperti majlis perkahwinan, kenduri kendara, berkhuton atau kematian. Ianya merupakan institusi yang mampu mengikat anggota masyarakat dengan adat budaya tradisinya. Ini terlihat dalam pergerakan institusi ini sendiri, di mana dalam melaksanakan satu-satu majlis perkahwinan misalnya, anggota masyarakat akan cuba sedaya upaya untuk mencontohi apa yang terdapat di dalam budaya mereka mengenai adat istiadat perkahwinan. Pewarisan adat budaya tradisional masih dapat dilihat dalam pergerakan institusi ini di mana institusi lainnya semakin menjauhkan ciri-cirinya dari budaya tradisional mereka.

4.5 Institusi perubatan :

Institusi ini masih dapat dilihat pergerakannya dan pengamalannya dalam masyarakat ini. Namun begitu fungsinya yang beragam dahulunya kini semakin berkurangan. Termasuk dalam institusi ini perbomohan dan perdukunan. Institusi ini dalam masyarakat tradisional itu berurusan dengan kuasa-kuasa supernatural yang dianggap berhubungan dengan kehidupan manusia. Kini dengan kemasukan pengaruh barat yang membawa pengetahuan sains serta kaedah perubatan moden, mengakibatkan institusi ini se-kurang pergerakannya dalam masyarakat. Kepercayaan terhadap kuasa super-natural kini dianggap sebagai tahyul. Kaedah perubatan moden kini lebih diyakini kerana mengutarakan sebab-musabab dan pengubatan sesuatu penyakit itu secara sains dan logik. Namun begitu, kepercayaan tersebut tidak sepenuhnya lupus

bila mana terdapat satu-satu fenomena atau penyakit yang tidak dapat diburukkan dan disbbi oleh teknologi sains dan kedokteran serta model. Maka apa yang terdapat kini dan masa yang akan datang di Indonesia pada ini, institusi berbatn tradisi yang terdapat di samping dan disamping dengan itu.

Sebagai di sini, institusi informal yang wujud di dalam masyarakat Indonesia sebenarnya besarnya masih mengekakan aspek-aspek tradisional. Namun aspek-aspek tersebut hanya merupakan bahagian yang terdapat dari bentuk institusi informal tersebut. Bentuk dan struktur institusi-institusi informal tersebut kini semakin dipengaruhi dan terpengaruh dengan model institusi barat.

